

icapital terus kekalkan prestasi kukuh

KUALA LUMPUR 4 Ogos - icapital.biz Bhd. sebuah dana tertutup yang melabur dalam syarikat terkurang nilai, membuktikan pelaburan sedemikian yang dibuat secara serius boleh mendatangkan hasil apabila terus mengekalkan prestasi kukuhnya pada tahun lepas.

Tan Teng Boo, Pengarah Urusan Capital Dynamics Asset Management Sdn. Bhd. (pengurus dana icapital) berkata, pelaburan serius boleh menjana keuntungan kukuh termasuk semasa tempoh kegawatan dan keadaan tidak menentu di dunia.

"Bagi tahun kewangan 2008 (1 Jun, 2007 hingga 31 Mei, 2008), nilai aset bersih (NAB) naik 18.80 peratus malahan semasa tempoh kebimbangan memuncak ketika Indeks Komposit Kuala Lumpur (IKKL) turun kepada 5.24 peratus.

"Bagi tahun kewangan 2007, NAB icapital meningkat 45.43 peratus manakala IKKL naik 45.17 peratus," katanya pada taklimat media di sini, hari ini.

Tan Teng Boo berkata, pada 25 Julai 2008, syarikat itu melabur dalam 18 syarikat tersenarai dengan Parkson Holdings, VADS Bhd., Petronas Dagangan Bhd. dan Fraser & Neave Holdings Bhd. menerajui senarai dari segi keuntungan tidak direalisasikan.

"Pada 25 Julai 2008, pelaburan kami berjumlah RM137.73 juta manakala jumlah keuntungan tidak direalisasikan, meskipun penurunan di Bursa Malaysia ketika ini, ialah pada RM50.9 juta," katanya.

- Bernama

EKONOMI

icapital terus kekalkan prestasi kukuh

KUALA LUMPUR 4 Ogos - icapital.biz Bhd. sebuah dana tertutup yang melabur dalam syarikat terkurang nilai, membuktikan pelaburan sedemikian yang dibuat secara serius boleh mendatangkan hasil apabila terus mengekalkan prestasi kukuhnya pada tahun lepas.

Tan Teng Boo, Pengarah Urusan Capital Dynamics Asset Management Sdn. Bhd. (pengurus dana icapital) berkata, pelaburan serius boleh menjana keuntungan kukuh termasuk semasa tempoh kegawatan dan keadaan tidak menentu di dunia.

"Bagi tahun kewangan 2008 (1 Jun, 2007 hingga 31 Mei, 2008), nilai aset bersih (NAB) naik 18.80 peratus malahan semasa tempoh kebimbangan memuncak ketika Indeks Komposit Kuala Lumpur (IKKL) turun kepada 5.24 peratus.

"Bagi tahun kewangan 2007, NAB icapital meningkat 45.43 peratus manakala IKKL naik 45.17 peratus," katanya pada taklimat media di sini, hari ini.

Tan Teng Boo berkata, pada 25 Julai 2008, syarikat itu melabur dalam 18 syarikat tersenarai dengan Parkson Holdings, VADS Bhd., Petronas Dagangan Bhd. dan Fraser & Neave Holdings Bhd. menerajui senarai dari segi keuntungan tidak direalisasikan.

"Pada 25 Julai 2008, pelaburan kami berjumlah RM137.73 juta manakala jumlah keuntungan tidak direalisasikan, meskipun penurunan di Bursa Malaysia ketika ini, ialah pada RM50.9 juta," katanya.

- Bernama

Beliau berkata, dana itu masih mempunyai RM56.9 juta tunai yang tersedia bagi pelaburan pada 25 Julai, 2008.

Mengenai tinjauan Bursa Malaysia memandangkan situasi politik ketika ini di Malaysia, Tan berkata, faktor paling penting adalah ekonomi Malaysia dan global.

"Selagi Malaysia tidak berdepan dengan bencana politik besar, tinjauan jangka panjang bagi Bursa Malaysia masih positif," katanya. - Bernama